

**Kes liwat: Permohonan Najib, Rosmah didengar Isnin**  
**The Malaysian Insider**  
**29 September , 2011**  
**Oleh Shazwan Mustafa Kamal**

KUALA LUMPUR, 29 Sept — Permohonan Datuk Seri Najib Razak dan isterinya agar dikecualikan daripada menjadi saksi kes liwat Datuk Seri Anwar Ibrahim hanya akan didengar Isnin ini.

Mahkamah Tinggi menetapkan tarikh itu bagi membolehkan peguam Najib dan Datin Seri Rosmah Mansor menyediakan jawapan ke atas affidavit dikemukakan oleh Anwar semalam.

Peguam-peguam bagi Najib dan Rosmah memberitahu Mahkamah Tinggi bahawa mereka hanya diberikan salinan affidavit pada pagi ini.

“Kami gembira jika mahkamah boleh memberi kami masa untuk mendapatkan arahan susulan daripada pelanggan kami dan bagi kami memfailkan affidavit balas,” kata peguam Datuk Ghazi Ishak.

Hakim Datuk Yusof Zainal Abiden kemudian menetapkan permohonan itu akan didengar petang Isnin ini.

Kandungan affidavit Najib dan isterinya tidak diketahui kerana peguam-peguam berkata mereka tidak diberi arahan untuk mendedahkannya.

Kedua-dua Najib dan Rosmah disepina bulan lalu.

Perbicaraan kes Anwar juga dijadual disambung semula Isnin ini.

The Malaysian Insider  
Hakcipta© 2011 The Malaysian Insider  
Source:  
<http://www.themalaysianinsider.com/bahasa/article/kes-liwat-permohonan-najib-rosmah-didengar-isnin/>